

Tempat Parkir Diboikot Kerana Usang Kini Berubah Wajah



Foto – Sarana baru berupa parkiran berbumbung bagi kenderaan dua roda.

KULIM ,3 Disember- Kemudahan dan infrastruktur di Kampung Badlishah,Kulim Kedah di sini terus dinaik taraf bagi menjamin keselesaan dan memberi manfaat kepada penduduk kampung.

Pengerusi Surau Kampung Badlishah,Ustadz Yaakub Hussin berkata, pihaknya menerima kelulusan menaik taraf selepas tiga daripada lima permohonan penduduk diperolehi dari kerajaan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) lalu.

Beliau berkata, setiap permohonan telah dan sedang melalui proses kelulusan pihak terbabit antaranya mesyuarat Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Pusat Khidmat Wakil Rakyat (PKWR) ,serta Pejabat Daerah.

Beliau juga menyatakan rasa syukur atas selesainya projek ketiga bagi penduduk,iaitu pembangunan semula tempat parkir berbumbung.

Sementara itu, Pengerusi MPKK Mohd Rashid Don berkata, pihaknya telah membuat beberapa permohonan kepada kerajaan sebaik sahaja dilantik usai peralihan kerajaan pada PRU-14.

Antaranya ialah penurapan semula jalan, penambahan lampu jalan, tempat parkir berbumbung, pembinaan semula surau,serta pembinaan semula titi besi.

Projek ketiga ini telah siap tiga hari yang lalu dengan peruntukan sebanyak RM7,000 kepada pihak kontraktor bagi proses meroboh dan membina baru.

“Pembinaan semula parkir bagi memastikan keselamatan para pelajar dan pekerja kilang beserta kenderaan mereka terjamin ketika harus meninggalkan basikal dan motosikal sebelum menaiki bas menuju ke pekan.

“Keluasan baru parkir tersebut iaitu 25x7 kaki persegi yang mampu memuatkan 10 buah motosikal pada satu-satu masa. Pihak kontraktor terpaksa mengambil masa tiga minggu bagi menyiapkannya termasuk proses meroboh binaan lama yang sudah usang dan reput.

“Binaan lama yang menggunakan tiang kayu, zink aluminium,serta berlantaikan tanah dan sudah mencapai umur 20 tahun itu, kini diganti tiang konkrit,perkakasan bumbung aluminium, atap zink berkualiti serta penurapan lantai simen,” katanya.

Sementara itu,peniaga makanan di premis berhampiran, Cik Akma Abdullah menyatakan bahawa pembinaan semula parkir itu memberi manfaat kepada pengguna motosikal ketika hujan mahupun panas.

Komen: Boleh siar